

PTPTN: Kelas pertama dikecuali bayar

UM - 28/7/2022 mlk: 3

PÉTALING JAYA: Kerajaan mengembalikan semula keistimewaan pengecualian bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar ijazah sarjana muda kelas pertama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pengecualian itu melibatkan peminjam yang menamatkan pengajian bermula 2019.

Katanya, keistimewaan itu akan diberikan kepada mereka yang layak tanpa mengira status ekonomi, bangsa dan agama.

“Saya berharap PTPTN dapat berbincang dengan Kementerian Kewangan berkenaan perkara ini dari segi peruntukan yang terlibat.

“Ini sebagai dorongan kepada anak-anak Keluarga Malaysia untuk belajar bersungguh-sungguh dan mendapatkan kelulusan yang terbaik dalam pengajian mereka,” katanya ketika berucap dalam Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade (MECC), di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, seramai 3.67 juta Kelu-



ISMAIL Sabri Yaakob melawat pameran sempena Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade (MECC), Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

arga Malaysia telah dibantu bagi meneruskan pengajian dengan keseluruhan pinjaman berjumlah RM66.87 bilion sehingga kini.

Katanya, setakat akhir bulan lalu, lebih 2 juta atau 82.04 peratus peminjam telah membayar balik pinjaman dengan jumlah kutipan sebanyak RM17.8

bilion.

“Terima kasih saya ucapkan kepada para peminjam yang komited membuat bayaran balik.

“Bagi yang belum berbuat demikian, saya menasihatkan supaya melunaskan pinjaman agar proses pinjaman kepada peminjam lain seterusnya tidak

tertangguh,” katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan melalui PTPTN telah menyediakan peruntukan lebih RM3 bilion setahun bagi membiayai pinjaman pendidikan kepada purata lebih 180,000 pelajar baharu yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.